

NNNN

MAHATHIR-NIAGA R'R'R'

1782

ALUR SETAR, 27 NOV. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGARISKAN BEBERAPA PANDUAN DAN PERSEDIAAN UNTUK PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA MEMASUKI BIDANG TERSEBUT.

ANTARA KEPERLUAN-KEPERLUAN YANG DITEKANKAN OLEH PERDANA MENTERI IALAH KAJIAN, PERANCANGAN, MODAL, LATIHAN DAN JUGA SIKAP.

BERUCAP MERASMIKAN SKIM + ANAK ANGKAT + PERUNCIT-PERUNCIT ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU KEDAH DI KODIANG, KIRA-KIRA 40 KM DARI SINI HARI INI, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA PERSEDIAAN SEUMPAMA ITU AMAT PERLU UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN MEREKA DALAM PERNIAGAAN.

KAJIAN DAN PERANCANGAN HARUS DIBUAT UNTUK MENENTUKAN KESESUAI-AN TEMPAT DAN BARANG-BARANG YANG HENDAK DIJUAL SEMENTARA MODAL YANG KECIL PERLU UNTUK PERNIAGAAN YANG KECIL SAJA.

+ TIDAK GUNANYA KALAU SESEORANG ITU MEMPUNYAI MODAL \$100 UMPAMANYA TETAPI MENJALANKAN PERNIAGAAN YANG MEMERLUKAN MODAL \$1,000 KERANA INI AKAN MENIMBULKAN MASALAH-MASALAH + KATANYA.

--LAGI 1723/AN

MAHATHIR-NIAGA 2 ALUR SETAR

MENGENAI LATIHAN PULA, BELIAU MENEKANKAN BAHAWA IANYA PENTING UNTUK MENDIDIK SESEORANG ITU DARI SEGI SELOK-BELOK PERNIAGAAN.

TENTANG SIKAP PULA, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA BUMIPUTERA PERLU MENGELAK DARIPADA SUKA + MENIRU + SESUATU PERNIAGAAN, YANG DILIHATNYA SEBAGAI MAJU.

KERAJAAN TELAH MEMBUAT BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN UNTUK MEMBANTU BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERNIAGAAN INI DAN SEKIRANYA TERDAPAT KEGAGALAN, PENIAGA-PENIAGA SENDIRI PERLU SEDAR AKAN KELEMAHAN MADING-MADING.

+ KALAU KITA JUJUR, KITA AKAN AKUI BAHAWA KELEMAHAN-KELEMAHAN PADA DIRI SENDIRILAH YANG MENYEBABKAN MATLAMAT YANG DITUJU ITU TIDAK TERCAPAI, + KATANYA.

ANTARA KELEMAHAN YANG DISEBUTNYA TERDAPAT PADA BUMIPUTERA IALAH KURANGNYA SIFAT INGIN BELAJAR WALAUPUN IA TELAH MEMULAKAN PERNIAGAAN.

--LAGI 1728/AN

NNNN

ZCZC 8624

MAHATHIR-NIAGA 3 ALUR SETAR

+ WALAUPUN, SESEORANG PENIAGA ITU SUDAH TAHU SEDIKIT SEBANYAK SELOK-BELOK PERNIAGAAN, IA MASIH PERLU MEMPELAJARI BANYAK LAGI HAL DALAM BIDANG INI, + KATANYA.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENYEBUT BAHAWA PENIAGA BUMIPUTERA SELALU MEMBAZIRKAN WANG KEUNTUNGAN KEPADA BENDA-BENDA YANG TIDAK ADA KAITANNYA DENGAN PERNIAGAANNYA PADAHAL LEBIH BAIK SEKIRANYA WANG TERSEBUT DIGUNAKAN UNTUK MENAMBAHKAN MODAL.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA SOAL + FIKIR BESAR + DALAM PERNIAGAAN TIDAK SEHARUSNYA TIMBUL BILA MULA BERNIAGA.

+ BERFIKIR BESAR BERERTI BERNIAGA SECARA BESAR DAN MODALNYA PUN BESAR TETAPI KALAU PERNIAGAANNYA TIDAK BERJALAN BAIK, RUGINYA PUN BESAR JUGA, + KATANYA.

APA YANG PENTING IALAH PERNIAGAAN SECARA KECIL-KECILAN UNTUK MENDAPATKAN PENGALAMAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMETIK SATU PEPATAH CINA YANG MENYEBUT + PERJALANAN SERIBU BATU BERMULA DENGAN SATU LANGKAH + UNTUK MENJELASKAN MAKSUDNYA.

--LAGI 1732/AN

ZCZC B625

MAHATHIR-NIAGA 4 ALUR SETAR

BELIAU MENGANGGAP PERNIAGAAN RUNCIT SEBAGAI LANGKAH PERTAMA KE ARAH PERNIAGAAN YANG LEBIH BESAR.

+ DARIPADA PERNIAGAAN SEPERTI INI, SESEORANG ITU AKAN MENDAPAT LATIHAN AMALI YANG BEGITU PENTING SEKALI UNTUK BERJAYA DALAM BIDANG INI, + KATANYA.

AGENSI-AGENSI KERAJAAN SEPERTI PERNAS-EDAR SEDIA MEMBANTU MELATIH PENIAGA-PENIAGA, KATANYA.

SEMENTARA ITU, YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU KEDAH, HAJI HANAFI RAMLI MENJELASKAN DI BAWAH SKIM TERSEBUT LIMA BUAH KEDAI RUNCIT AKAN DIAMBIL SEBAGAI + ANAK ANGKAT + BUAT PERMULAANNYA.

KEDAI-KEDAI BERKENAAN AKAN DIBERI KEMUDAHAN PINJAMAN, LATIHAN DAN SEBAGAINYA OLEH DEWAN BERKENAAN.

--BERNAMA 1735/AM